

Title : Remaja dan Belia India (Pemetaan Ontologi)
Author(s) : Sathyiasenan A/L Tamuvederan
Institution : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia
Category : Article
Topic : Culture, Multiculture, Ethnic
Publisher :



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**NAMA KRUSUS:
FALSAFAH PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL
SKW 320**

**TAJUK :
REMAJA DAN BELIA INDIA
(PEMETAAN ONTOLOGI 2003)**

**NAMA:
SATHYIASENAN A/L TAMUVEDERAN**

**NO. MATRIK:
63520/01**

1.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Bahasa Melayu maksud belia adalah orang dewasa tetapi belum tua lagi manakala maksud remaja pula ialah golongan yang sudah dewasa atau sudah cukup umur untuk berkahwin. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan pelbagai adat resam. Bangsa India merupakan bangsa yang ketiga terbesar selepas bangsa Melayu dan Cina. Bangsa India telah dibawa oleh penjajah Inggeris ke Tanah Melayu untuk bekerja di estet-estet. Bangsa India telah menjadi salah satu bangsa Malaysia.

Bangsa India adalah seramai 7.7 peratus daripada populasi di Malaysia dan merupakan bangsa yang ketiga terbesar. Menurut statistik Jabatan Perangkaan pencapaian pendidikan yang dipungut di dalam tahun 2000 merujuk kepada peringkat persekolahan tertinggi yang di capai sama ada pra sekolah, rendah, menengah atau pendidikan tinggi. Peratusan warganegara India yang berumur 20 tahun dan lebih yang mempunyai pendidikan tinggi telah meningkat daripada 7.6 peratus kepada 13 peratus bagi tempoh 1991-2000. Remaja dan belia India merupakan salah satu nadi atau tunggak masa hadapan negara dan juga harapan bagi bangsa India. Terdapat pelbagai isu dan pencapaian mengenai remaja dan belia India dibincangkan pada masa ini. Kita boleh lihat terdapat perkembangan dalam beberapa bidang yang di ceburi oleh golongan ini dan tidak lupa juga beberapa isu yang menyelubungi golongan ini. Antaranya adalah masalah keganasan, penyalahgunaan dadah, pelacuran, kadar bunuh diri di kalangan remaja India dan sebagainya. Walaubagaimanapun kita dapat meneliti bahawa golongan remaja ini juga tampak ke hadapan untuk memperbaiki persepsi masyarakat bahawa golongan yang berbangsa India banyak terlibat dalam kegiatan jenayah. Kita dapat melihat pencapaian belia India seperti pencapaian dua

belia India iaitu Moganadass dan M.Mahendran yang telah berjaya menakluk puncak tertinggi dunia iaitu Gunung Everest. Ini bukan sahaja membuktikan kewibawaan kita sebagai warganegara Malaysia tetapi membuktikan bahawa dengan azam yang kuat persepsi masyarakat mengenai golongan India dapat di ubah.

Melalui tajuk yang saya buat iaitu “Golongan Remaja dan Belia India” saya akan mengetengahkan beberapa perkara yang berkaitan dengan golongan ini sama ada daripada perspektif yang positif atau yang negatif . Saya akan membuat perbandingan dari satu zaman ke satu zaman yang lain iaitu dari zaman 80an, zaman 90an dan zaman 2000 hinggalah ke hari ini. Saya akan menggunakan beberapa artikel serta bahan rujukan seperti artikel suratkhobar, laporan thesis, buku, artikel internet dan sebagainya untuk membincangkan apa yang ingin di sampaikan oleh penulis-penulis terbabit mengenai golongan belia dan remaja India.

Di akhir tugas ini saya akan memberi pandangan dan kritikan saya mengenai artikel yang terbabit. Kritikan ini hanya merupakan luahan atau perasaan saya terhadap artikel terbabit serta mengenai bagaimana martabat golongan belia dan remaja India dapat dipertingkatkan.

2.0 ZAMAN 80AN

Artikel bertajuk “ Sucked Oranges: The Indian poor in Malaysia” di terbitkan oleh INSAN, Kuala Lumpur. Berikut adalah ulasan daripada artikel berkenaan:

Kebanyakan daripada penduduk India telah membesar di kawasan luar bandar. Mereka telah lahir di sana dan membesar di situ. Pengalaman pekerja ini di estet-estet mempunyai kesan yang besar terhadap nilai dan sikap mereka. Kebanyakan remaja dan belia, yang lahir dan membesar di sini juga terikut-ikut dengan nilai dan sikap yang terdapat pada ibu bapa mereka serta persekitaran mereka.

Menurut salah satu artikel yang bertajuk “ Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia” faktor kemiskinan telah membawa kepada isu buruh kanak-kanak. Isu buruh kanak-kanak di lihat sesuai di bincangkan kerana ia berkaitan dengan remaja dan belia India. Daripada kajian yang di lakukan di sebuah estet di dapati kanak-kanak berumur antara enam hingga lima belas tahun keluar untuk bekerja sebagai pekerja kasar. Keadaan ini disebabkan kerana pendapatan keluarga yang rendah serta kemiskinan.

Kebanyakan daripada kanak-kanak dan remaja ini bekerja sebagai buruh kasar di bawah kontraktor yang telah di upah oleh pihak estet berkenaan. Mereka juga melakukan kerja-kerja rumah dan menjaga anak. Kerja ini biasanya di lakukan oleh kanak-kanak atau remaja perempuan. Remaja lelaki dan wanita berkongsi melakukan kerja yang di arahkan di estet dengan sendiri.

Kebanyakan daripada remaja ini membantu ibu bapa mereka dan tidak menerima sebarang upah untuk kerja yang di lakukan. Remaja perempuan akan bekerja selama 10 jam sehari kerana mereka terpaksa melakukan kerja rumah. Remaja yang lebih tua bekerja untuk kontraktor dan menerima upah sebanyak dua pertiga

yang di perolah oleh orang dewasa. Remaja ini juga terdedah kepada persekitaran yang merbahaya di mana mereka terpaksa menyembur racun perosak tanpa sebarang perlindungan kepada diri mereka.

Faktor yang menyebabkan keadaan ini yang di kenalpasti daripada artikel ini adalah kemiskinan dan pendapatan keluarga yang rendah. Kemiskinan menyebabkan mereka untuk bekerja pada usia yang begitu muda. Kebanyakan ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka untuk bekerja kerana pendapatan yang di terima oleh mereka rendah dan permintaan yang tinggi untuk buruh kanak-kanak atau remaja. Faktor yang lain yang di kenal pasti adalah Sekolah Tamil. Kebanyakan orang berpendapat Sekolah Tamil tidak menyediakan pelajarinya untuk pendidikan yang lebih tinggi. Faktor yang di kenalpati adalah seperti persekitaran sekolah yang tidak di selenggara dengan baik, kekurangan infrastruktur dan juga kekurangan kakitangan yang berkaliber untuk mengajar.

Cara mengatasi yang di nyatakan dalam artikel ini adalah melalui pendidikan. Menurut satu pandangan daripada kalangan pelajar dan graduan Universiti adalah, pendidikan merupakan jalan penyelesaian bagi kemiskinan. Persepsi ini telah menjana kepada projek seperti kelas tution dan tabika di kalangan golongan yang miskin. Usaha juga telah di ambil untuk membawa belia India ke kawasan bandar dan menyediakan mereka untuk peperiksaan tinggi.

Cadangan yang lain yang di suarakan adalah melalui pembayaran upah yang lebih tinggi, persekitaran yang baik, perumahan yang baik dan tindakan yang lain yang seumpamanya. Kerjasama semua pihak dapat dapat menyelesaikan masalah yang di hadapi ini. Melalui pembayaran upah yang tinggi, persekitaran yang baik dan penyediaan perumahan yang baik dapat mengurangkan masalah buruh kanak-kanak dan remaja ini.

Artikel daripada Utusan Melayu bertarikh 18 September 1989 ini adalah mengenai gesaan terhadap kaum India untuk berusaha meningkatkan pencapaian pelajaran. Gesaan ini di buat oleh Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam. Berikut adalah ulasan daripada artikel berkenaan.

Menurut artikel daripada Utusan Melayu bertarikh 18 Sept. 1989 adalah mengenai isu pencapaian pelajaran golongan remaja dan belia India. Isu ini di suarakan oleh Datuk S.Subramaniam. Beliau menyuarakan bahawa pencapaian pelajaran remaja India sudah jauh tertinggal di belakang.

Beliau juga telah menyatakan bahawa jumlah pelajar dari kaum India yang berhenti atau lari dari sekolah adalah lebih tinggi berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Prestasi kaum India dalam pelajaran adalah tidak memuaskan dan walaupun terdapat sedikit peningkatan pelajaran tetapi mereka masih lemah dan tidak mampu bersaing dalam bidang-bidang kerjaya tertentu.

Guru-guru dan ibu bapa hendaklah memberi lebih perhatian dan dorongan kepada murid dan anak-anak mereka. Persatuan-persatuan yang mewakili kaum India di gesa untuk mengadakan program-program yang lebih bermanfaat. Guru-guru, ibu bapa dan persatuan yang mewakili kaum India di gesa membantu dan menyumbang tenaga untuk memperbaiki keadaan dan memastikan para pelajar lulus dalam pelajaran.

Peringkat umur yang di kenal pasti adalah sewaktu para pelajar belajar di sekolah rendah lagi. Jika pelajaran asas mereka lemah ia akan berlanjutan hingga ke peringkat menengah dan usaha membantu mereka akan menjadi rumit.

Datuk S. Subramaniam tidak mahu masyarakat India merasakan mereka cemerlang dalam pelajaran dan telah mencapai kejayaan tetapi hakikatnya kejayaan

yang di capai tidak sehebat kaum lain. Beliau ingin menyatakan bahawa pelajaran adalah sesuatu yang penting bagi perkembangan seseorang remaja atau belia. Pelajar harus tidak leka dan di samping itu harus cemerlang dalam sukan. Kelemahan yang terdapat iaitu dalam persaingan dalam bidang kerjaya harus di atasi bagi memajukan diri dan masyarakat.

3.0 ZAMAN 90AN

Artikel bertajuk “ Fenomena Keruntuhan Akhlak Remaja: Tren,Punca dan Penyelesaian” di perolehi daripada Jurnal Kebajikan Vol 16 No. 1, Jun 1994 dan di tulis oleh Sabitha Merican dan Mahmood Nazar Mohamed. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Remaja selalu menjadi fokus perbincangan para cendekiawan, penggubal dasar dan anggota masyarakat umum terutama sekali apabila berkaitan dengan isu-isu permasalahan sosial. Di dalam artikel ini penulis telah mengatakan bahawa banyak masalah sosial dikaitkan dengan gaya hidup dan perilaku remaja. Penulis artikel ini memberi tumpuan kepada fenomena keruntuhan akhlak remaja dari sudut trend gejala sosial, punca dan strategi penyelesaiannya.

Penulis artikel ini mentafsirkan remaja sebagai seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh atau muda. Dari segi usia pula, remaja dianggap berumur antara 10 hingga 19 tahun. Penulis artikel ini memberi definasi remaja dari segi psikologi, iaitu zaman remaja adalah satu jangka masa peralihan yang berlanjutan dari alam kanak-kanak ke peringkat dewasa yang penuh dengan konflik-konflik kehidupan.

Menurut penulis secara amnya, boleh di rumuskan bahawa cara kehidupan remaja kini berbanding dengan remaja dahulu banyak berbeza. Walaupun mereka mempunyai keperluan kehidupan yang sama dengan remaja masa dahulu, tetapi apa yang berbeza di antara dua kelompok remaja ini ialah keadaan persekitaran ketika membesar dan cara kehidupan dalam ruang dan masa yang khusus ini.

Penulis artikel ini memberi statistik mengenai gejala sosial remaja. Penulis menyatakan bahawa keruntuhan akhlak bukan sahaja berlaku di negara ini sahaja tetapi di seluruh dunia. Oleh kerana bilangan remaja yang ramai maka masalah yang

berkaitan dengan kelompok ini juga di katakan banyak. Data statistik banyak menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak di kalangan remaja di negara ini adalah amat serius. Perangkaan Polis menunjukkan bahawa antara kes jenayah yang selalu di lakukan oleh remaja ialah pecah rumah, rusuhan, pergaduhan sesama mereka, salahguna dadah dan mencuri basikal atau motorsikal.

Penulis menyatakan bahawa pada peringkat umur dewasa, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial. Penulis menyatakan bahawa para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran menjadi rumah kedua kepada mereka. Remaja ini di katakan belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya datang dari persekitaran sosial yang mana dia membesar. Penulis cuba memberi pandangan bahawa perubahan dalam diri seorang remaja berpunca daripada faktor persekitarannya. Para remaja di katakan mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa. Daripada maklumat ini, di dapati bahawa terdapat perubahan bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi pemikiran dan tingkah laku seseorang remaja.

Menurut penulis, remaja yang rosak akhlak adalah mereka yang masih berada di bangku sekolah. Kes-kes yang membabitkan remaja meningkat dengan ketara di antara tahun-tahun 1990 hingga 1992. Satu lagi kesalahan yang selalu melibatkan remaja ialah lari dari rumah atau hilang dari rumah. Statistik untuk tahun kebelakangan menunjukkan penurunan kes remaja yang lari dari rumah atau yang hilang dari rumah. Hal ini menurut penulis mungkin kerana tidak ramai remaja di ketemui selepas melarikan diri dari rumah, ataupun jumlah remaja yang lari dari rumah semakin berkurangan.

Penulis mengaitkan remaja sebagai kumpulan masyarakat yang bakal mencorakkan masa depan negara. Remaja di kaitkan oleh penulis sebagai asset kekayaan semulajadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara ini. Masalah akhlak di kalangan remaja dikatakan oleh penulis sebagai satu ancaman yang besar kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Penulis berpendapat masalah sosial yang di hadapi oleh para remaja harus di bendung dan di atasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap golongan remaja ini.

Jenayah yang di lakukan oleh para remaja bukan hanya berlaku di kawasan bandaraya atau Bandar-bandar besar sahaja malah di merata-rata tempat. Di Kedah sebanyak 307 kes jenayah berlaku sepanjang tahun 1991 melibatkan remaja di bawah umur. Daripada jumlah ini 73 kes membabitkan pelajar sekolah. Jenayah yang di lakukan oleh remaja India adalah sebanyak sebanyak 47 kes berbanding keseluruhan sebanyak 204 kes.

Kesalahan yang lain yang di lakukan oleh remaja yang di pandang amat serius adalah dari segi perbuatan maksiat di kalangan remaja. Peningkatan pembabitan remaja perempuan dalam aktiviti maksiat juga adalah satu lagi petanda bahawa keruntuhan akhlak remaja di Malaysia bertambah serius. Satu lagi gejala mengikut pandangan penulis yang menampakkan potensi untuk menjadi gejala yang sukar di bendung ialah kegemaran mereka membazir masa. Melalui kajian yang di lakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan di dapati bahawa terdapat ramai remaja yang melepak terdiri daripada remaja di bawah umur 21 tahun. Beberapa gejala lain di kenalpasti sebagai berkaitan dengan fenomena lepak di kalangan remaja.

Melalui satu kajian yang berasingan mengenai kehidupan remaja berumur 15 tahun di dua buah rumah pangsa di Kuala Lumpur mendapati bahawa sebanyak 72

peratus remaja India yang pulang kerumah lepas waktu sekolah. Mengikut laporan bahagian belia, Kementerian Belia dan Sukan, walaupun Malaysia mempunyai antara struktur organisasi belia yang terbaik di dunia hanya 24 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 7.19 juta belia di negara ini menjadi ahli persatuan.

Penulis artikel ini telah mencari beberapa punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Daripada data dan statistik yang di bentangkan, secara umumnya trend menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak dan disiplin di kalangan remaja boleh di lihat dari pelbagai sudut dan banyak puncanya. Langkah mengenalpasti masalah ini adalah penting kerana hanya dengan mengetahui punca-punca masalah tersebut, strategi penyelesaian yang berkesan untuk mengatasi masalah tersebut boleh diatur dengan rapi menurut penulis.

Faktor yang di kenalpasti oleh penulis mengenai keruntuhan akhlak di kalangan remaja adalah hubungan kekeluargaan. Remaja atau pelajar secara khususnya yang terlibat dalam jenayah bukan sahaja datang daripada keluarga yang susah kehidupannya, malah, sebilangan signifikan adalah di antara mereka yang mempunyai latar belakang, keluarga yang baik dan berada.

Penulis mengandaikan bahawa salah satu punca keruntuhan akhlak ialah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Tekanan hidup, kesibukan kerja, mengejar kemewahan serta aktiviti sosial, menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berdamping antara satu sama lain, dan malah jarang berpeluang bersua muka. Iubapa tidak dapat memberi asuhan dan didikan yang sempurna, Sementara remaja itu pula tidak mendapat perhatian, bimbingan dan panduan hidup sempurna. Remaja itu akan membawa cara hidup bersedirian.

Seseorang yang tidak mendapat perhatian atau asuhan yang baik mudah terjerumus ke kehidupan yang tidak sihat.

Keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya juga menyebabkan keruntuhan disiplin anak remaja. Menurut penulis ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang terlalu banyak. Ini menyebabkan mereka mudah di pengaruhi oleh remaja lain untuk bersuka-suka. Kesan pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan sebaya yang rosak akhlak akan memburukkan lagi keadaan. Ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kelakuan dan pergaulan anak remaja mendorong mereka kepada akhlak yang rosak. Menurut penulis, remaja yang terlalu awal terdedah kepada alam masyarakat yang mempunyai pelbagai sikap yang kompleks tanpa bimbingan mencukupi daripada ibu bapa juga merupakan salah satu faktor keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Faktor-faktor yang lain yang di kenalpasti oleh penulis sebagai berkaitan dengan hubungan kekeluargaan ialah alam rumahtangga yang tidak teratur, perpisahan ibu bapa, pertengkaran yang berlaku dalam keluarga, keadaan sosioekonomi yang sempit, suasana rumahtangga yang tidak harmonis dan tenteram dan ketidakupayaan pihak penjaga mengawas pendidikan anak-anaknya menyebabkan remaja rosak akhlak.

Faktor yang lain yang di kenalpasti oleh penulis ialah pengaruh persekitaran terhadap remaja. Penulis menyatakan bahawa pengaruh persekitaran luaran dan pengaruh media-media masa juga sentiasa membentuk perilaku para remaja yang masih mentah dalam cabaran hidup. Pelbagai dorongan yang kurang sihat di paparkan Melalui persekitaran ini , yang seterusnya menyebabkan para remaja terikut-ikut dengan pengaruh berkenaan. Perasaan ingin tahu dan ingin cuba remaja menyebabkan mereka terdedah kepada persekitaran yang tidak sihat, mereka merayau-rayau di

kompleks-kompleks membeli-belah, pusat snooker, pusat permainan video dan sebagainya. Perbuatan seperti ini membawa kepada pergaulan yang tidak sihat.

Selain daripada itu, menurut penulis remaja juga turut menuntut kebebasan secara melulu daripada ibubapa. Tuntutan seperti ini juga banyak juga di pengaruhi oleh media massa. Perkembangan teknologi dan komunikasi yang baru juga mengundang atau mengakibatkan remaja terdedah kepada nilai-nilai yang baru yang belum di kenalpasti pasti baik bagi perkembangan remaja tersebut. Pengaruh yang tidak sihat ini boleh dilihat dari majalah-majalah hiburan, buku-buku yang mengandungi unsur-unsur lucu serta radikal, televisyen dan tayangan-tayangan filem barat. Kebanyakan buku-buku, majalah-majalah yang terdapat dalam pasaran sekarang lebih mengutamakan aspek hiburan, keganasan dan fantasi kosong yang boleh mendorong sikap yang negatif seperti suka mengelamun, berfoya-foya, boros dan pelbagai perlakuan antisosial yang lain di kalangan remaja.

Faktor yang ketiga yang dikenalpasti oleh penulis terhadap keruntuhan akhlak di kalangan remaja adalah pengaruh di sekolah. Faktor sekolah atau guru juga menyebabkan keruntuhan akhlak remaja. Keadaan sesuatu bilik darjah yang sesak yang kecil ukurannya juga boleh mendatangkan masalah tekanan dan disiplin di kalangan remaja. Sikap guru yang mempunyai suara garang dan menggunakan kekerasan mengikut perasaan dalam pengajian harian juga di kenalpasti sebagai salah satu punca di sekolah. Seseorang guru harus menggunakan budi bicara yang luhur di samping tatacara disiplin seluruh yang di persetujui oleh Kementerian Pendidikan.

Kerjaya juga boleh di kaitkan dengan masalah remaja. Kebanyakan golongan remaja atau pelajar tidak memahami hubungan antara pelajaran dengan kerjaya. Mereka belajar hanya kerana untuk lulus peperiksaan sahaja atau sebab ibu bapa mereka mahu mereka ke sekolah. Oleh itu, kita dapati ramai pelajar yang tidak

bermotivasi untuk belajar dan tidak mempunyai matlamat hidup atau rancangan untuk masa depan.

Ibu bapa dan anggota masyarakat harus memainkan peranan yang penting atau bertanggungjawab untuk melakukan kewajipan dan peranan yang besar untuk merancang aktiviti, memberikan peluang dan bimbingan serta menyediakan pelbagai kemudahan supaya golongan remaja mendapat panduan yang cukup untuk menghadapi zaman dewasa yang lebih baik.

Penulis artikel ini telah memberi cara atau strategi penyelesaian bagi mengatasi masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Strategi penyelesaian yang pertama yang di suarakan oleh penulis ialah melalui pendekatan pendidikan. Penulis menjelaskan iaitu melalui penambahan dalam aktiviti-aktiviti yang berteraskan akademik dan separa akademik seperti kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah. Pengubahan cara pengajaran oleh guru juga menjadi salah satu strategi yang di suarakan oleh penulis. Penggunaan komputer, video, bantuan alat pandang dengar yang lain dan teknik pengajaran luar kelas. Ini di katakan dapat menurunkan beban dan tekanan yang dihadapi oleh para pelajar di sekolah. Strategi ini juga boleh menarik minat pelajar untuk menghabiskan lebih masa di sekolah daripada aktiviti yang tidak mendatangkan sebarang kebaikan atau tidak sihat.

Strategi yang kedua yang di kemukakan oleh penulis adalah mengenai aspek perundangan di sekolah. Menurut penulis strategi ini harus di beri tumpuan kerana di katakan dapat mengurangkan penglibatan pelajar dalam berbagai aktiviti yang tidak sihat atau jenayah di sekolah. Kewujudan sistem perundangan seperti ini akan menimbulkan perasaan takut di kalangan pelajar di samping dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah dan ibu bapa dalam pengawasan disiplin. Penulis juga meminta strategi ini di kaji kerana di katakan memakan kos yang banyak

dan menambahkan unit kawalan tambahan dan mungkin ada penentangan daripada ibu bapa, memandangkan langkah hukuman yang tidak adil dan berat kepada remaja. Penguatkuasaan undang-undang oleh polis juga boleh di adakan iaitu bidang kuasa polis boleh di perluaskan untuk merangkumi kegiatan para pelajar di sekolah.

Artikel “ getting to know us” dan “vision, mission and purpose” di peroleh daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Yayasan Strategik Sosial yang telah di tubuhkan di bawah naungan Parti MIC adalah sebuah yayasan yang memperjuangkan masalah sosial yang di hadapi oleh komuniti India Malaysia.

Visi Yayasan Strategik sosial adalah untuk menjadikan komuniti India Malaysia sebuah masyarakat yang tidak bergantung kepada sesiapa dan untuk menjadikan komuniti India untuk berjuang sendiri. Misi Yayasan Strategik Sosial adalah untuk memotivasikan dan mengkordinasi komuniti India Malaysia untuk mengurangkan perasaan rendah diri dan untuk sebuah kehidupan yang berkualiti. Tujuan Yayasan Strategik Sosial adalah untuk mempengaruhi penggubal dasar dan meningkatkan pembangunan di kalangan komuniti India. Yayasan Strategik Sosial telah menjalankan pelbagai program untuk para belia India dan remaja India Malaysia. Yayasan ini telah banyak memainkan peranan dalam membantu dan menyedarkan remaja dan belia.

Artikel daripada Berita Harian bertarikh 12 Ogos 1993 bertajuk “ Kaum India paling ramai terlibat kes jenayah”. Berikut adalah ulasan daripada artikel tersebut:

Statistik polis sepanjang Januari hingga Julai mendapati kaum India merupakan paling ramai terlibat dengan kegiatan jenayah di seluruh negeri di Selangor. Ketua Polis Selangor, Datuk Mohd. Noor Hamat mendedahkan perangkaan ini.

Beliau berkata, daripada 4,158 jumlah pesalah di tahan kerana terlibat dengan jenayah kekerasan dan harta benda 34 peratus merupakan kaum India, di ikuti Melayu pada 33 peratus, Cina 22 peratus, Indonesia 10 peratus dan lain-lain kaum 1 peratus. Bagi jenayah kekerasan seramai 1,362 penjenayah telah di tahan dan daripada jumlah itu seramai 505 terdiri daripada kaum India. Ia terdiri daripada kes samun tanpa senjata api, mendatangkan cedera, samun berkumpulan tanpa senjata api, rogol, bunuh, cubaan bunuh dan samun bersenjata.

Beliau berkata bagi pecahan mengikut umur pula, daripada 4,158 penjenayah yang di tahan , 1,783 merupakan mereka yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 35 tahun, di ikuti oleh 36 hingga 50 tahun(819), remaja berumur 12 hingga 18 tahun(103) 50 tahun ke atas(87), dan kanak-kanak seramai 4 orang.

Beliau mengulas bahawa tujuan pendedahan perangkaan ini di buat adalah supaya pihak-pihak tertentu seperti badan-badan bukan kerajaan (NGO) dapat memberi perhatian kepada golongan tersebut dan mengadakan lebih banyak aktiviti, agar mereka yang terlibat dalam jenayah dapat mengisi masa lapang sekaligus mengalihkan perhatian mereka daripada melakukan jenayah.

Artikel “ Samy Velu mahu tukar wajah masyarakat India” adalah daripada Mingguan Malaysia bertarikh 29 November 1992. Berikut adalah ulasan daripada artikel terbabit:

MIC di bawah Samy Velu telah menetapkan bahawa tugas utamanya ialah untuk menukar wajah masyarakat India yang juga merupakan penyokong MIC di negara ini yang tinggal di ladang-ladang daripada hanya buruh kepada tenaga buruh mahir. Program ekonomi dan sosial telah di mulakan untuk meningkatkan taraf hidup mereka yang tinggal di kawasan perladangan.

Datuk Seri S.Samy Velu menyatakan terdapat cabaran yang besar yang menanti masyarakat India. Peluang-peluang pendidikan dan juga sikap masyarakat India juga harus di ubah. Beliau menggariskan empat bidang yang perlu dititikberatkan iaitu pendidikan, ekonomi, sosial dan kebajikan. Tabung-tabung kebajikan dan pendidikan khas untuk menghulurkan pinjaman pada anak-anak muda India yang cemerlang dalam pelajaran di dalam dan di luar negara telah di sediakan.

Dalam dekad yang lalu, parti MIC telah menubuhkan institusi Pembangunan Pendidikan Maju(MIED) pada tahun 1984, Kolej Pendidikan Teknik dan Lanjutan TAFE, Seremban(1988), Akademik Vanto(1980), dan Maika Holdings Berhad untuk membantu golongan belia dan remaja India.

Artikel “ Lack of awareness? Ignorance? Or Reluctance” adalah daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial dan artikel ini di tulis oleh En. Thiruselvam. Berikut merupakan ulasan daripada artikel tersebut:

Menurut penulis, masyarakat India di Malaysia menganggap bahawa mereka di diskriminasi oleh masyarakat lain. Mereka menganggap bahawa wakil mereka dan kerajaan tidak memainkan peranan yang penting untuk memajukan golongan India Malaysia. Hak istimewa yang di berikan kepada golongan bumiputera menjadikan anggapan mereka lebih kuat. Kebelakangan ini kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai langkah untuk golongan India melalui agensi kerajaan.

Perbincangan yang serius telah di adakan dengan “Economic Planning Unit”, di mana permasalahan sosial di kalangan belia India di ketengahkan yang berpunca daripada ketidakterdapatannya peluang untuk golongan yang tidak berjaya dan kumpulan berpendapatan rendah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka. Hasilnya, GIATMARA telah di tubuhkan bagi golongan belia yang tidak mendapat pencapaian yang baik di dalam peperiksaan dan remaja yang tercicir awal. Hal ini di pandang sebagai satu kejayaan yang besar, di mana belia India dapat memperoleh pengetahuan dalam bidang tertentu yang penting pada masa kini.

Penulis menyatakan sambutan di kalangan belia India adalah tidak menggalakkan. Informasi tentang peluang ini telah di sebar melalui media massa dan melalui media elektronik namun belia India bagaikan tidak peduli akan peluang yang tersedia ada. Belia yang tercicir di sekolah dan belia yang bekerja pada pendapatan rendah hanya mendapat pendapatan yang rendah. Ibu bapa mengharapkan pendapatan ini untuk menguruskan keluarga. Mereka tidak menyedari bahawa pendapatan sekarang ini tidak akan menjamin masa depan yang baik pada masa depan. Jika kita

tidak menggunakan peluang ini, ia merupakan satu kehilangan kepada bangsa India. Agensi kerajaan juga tidak akan melayan sebarang permintaan pada masa depan kata penulis.

Penulis mengharapkan golongan ahli politik , persatuan sosial dan keagamaan, guru dan masyarakat am untuk menyedarkan kepada belia akan peluang yang terdapat ini. Penulis berharap masyarakat harus berhentikan tuduhan yang tidak berasas terhadap kerajaan. Penulis berharap masyarakat India harus menggunakan peluang yang tersedia ada dengan baik, ataupun kehilangan sebarang bantuan daripada pihak kerajaan pada masa depan.

Artikel daripada Utusan Malaysia bertarikh 23 Oktober 1995 bertajuk “ Cabaran Masa Depan Masyarakat India”. Berikut adalah ulasan daripada artikel tersebut:

Artikel ini ditulis oleh penulis pada semasa kaum India menyambut perayaan Deepavali dan penulis mengaitkan belia India sebagai tidak memahami erti perayaan ini.. Dalam perutusan Deepavali , Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Velu menggesa rakyat Malaysia yang beragama Hindu dalam menyambut Deepavali kali ini supaya melengkapkan diri dan anak-anak mereka dengan kemahiran untuk mengisi ruang mereka dalam tahun Malaysia 2020. Menurut beliau, pengeluaran ekonomi dan kesejahteraan Malaysia akan berdasarkan kepada penguasaan pengetahuan teknologi tinggi dan oleh itu kaum India hendaklah meletakkan keutamaan kepada pendidikan. “ Tanpa pengetahuan yang sempurna kaum India akan ketinggalan. Pendidikan tinggi membawa kuasa pendapatan yang lebih baik dan kita akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menyediakan keperluan bagi keluarga kita” kata beliau.

Beliau menasihatkan kaum India untuk menyedari akan cabaran masa depan dan melengkapkan diri agar mereka berada pada tahap yang sama dengan kaum Malaysia yang lain. Cabaran dan masalah sosial merupakan satu cabang yang memerlukan penyelesaian yang awal, memandangkan pelbagai pihak termasuk pertubuhan sosial dan politik menimbulkan kebimbangan berhubung peningkatan dalam kes-kes keruntuhan akhlak dan jenayah di kalangan belia India.

Kementerian Dalam Negeri telah mendedahkan tentang kewujudan lebih 1,500 kumpulan jahat membabitkan masyarakat India manakala fenomena sosial yang semakin meruncing di kaitkan dengan pelbagai punca, antaranya kehadiran filem-filem dari India yang penuh dengan unsur keganasan dan negatif.

Pada awal bulan ini, Persatuan Pengguna Pulau Pinang(CAP) menggesa supaya tidak disiarkan rancangan atau filem yang ganas sempena sambutan Deepavali. Saranan tersebut di sambut secara berbelah bahagi dengan terdapatnya reaksi yang menuduh pegawai persatuan itu sebagai tidak matang dan kurang sentitif dengan citarasa golongan belia yang inginkan filem seumpama itu.

Kritikan seumpama itu terhadap pegawai berkenaan secara langsung menunjukkan golongan belia masyarakat Hindu masih berada di takuk lama dan belum bersedia untuk menghayati makna sebenar perayaan Deepavali.

Kenyataan-kenyataan yang di keluarkan setiap hari sama ada oleh pertubuhan bukan kerajaan ataupun politik, tumpuan hanya di berikan kepada cara penyelesaian tetapi kurang terhadap pendekatan untuk mengubah sikap yang sudah tersemai pada jiwa individu-individu yang menonjolkan semangat yang bertentangan dengan makna sambutan Deepavali.

Menurut penulis, belia India tidak memahami erti sebenar perayaan Deepavali dan cara yang di sambut oleh mereka adalah lain daripada tujuan hari tersebut di sambut. Penayangan gambar yang berunsur ganas dan negatif pada hari Deepavali di katakan oleh penulis sebagai tidak sesuai dengan hari tersebut dan perkara ini tidak di fahami oleh belia India.

Artikel bertajuk “ Programmes for High Risk Youths” adalah daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Yayasan Strategik Sosial sedang menjalankan pelbagai program sosial untuk belia India yang berisiko tinggi. Kebanyakan program yang di atur adalah biasa, sistematik dan program yang memerlukan bantuan dari orang berpengalaman. Terdapat lebih kurang 7 cara yang telah di kenalpasti untuk di jalankan untuk golongan berisiko tinggi ini.

Cara yang pertama adalah satu perhubungan antara agensi kerajaan dan NGO yang baik, di mana mereka tampil kehadapan dengan penuh komitmen dan keyakinan untuk menyelesaikan permasalahan di kalangan belia India. Cara yang kedua adalah program yang sistematik dan efektif akan memastikan kualiti . Cara yang ketiga adalah mencari sukarelawan yang berdedikasi dan mempunyai skil. Cara yang keempat adalah terdapatnya halangan daripada kumpulan sasaran yang menghalang perubahan di dalam masyarakat. Cara yang kelima adalah penyelesaian masalah untuk kumpulan sasaran memakan masa. Cara yang keenam adalah keperluan untuk mencari seseorang yang berdedikasi yang boleh memastikan keberkesanan program. Cara yang terakhir adalah latihan dan orientasi yang mendalam perlu untuk memulakan fasa yang seterusnya.

Artikel bertajuk “ Reaching Youths at an Early Stage” daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial di tulis oleh Dr. Denilson Jayasooria. Berikut adalah ulasan daripada artikel terbabit:

Menurut penulis, beliau menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah amat mudah untuk di urus. Bagaimanapun apabila mereka mencapai umur 13 dan keatas mereka tidak dapat di urus. Menurut beliau awal remaja membawa banyak cabaran kepada golongan muda kerana berlaku perubahan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa.

Beliau berkata setengah pelajar mengalami masalah untuk menyesuaikan diri dari pendidikan sekolah rendah ke sekolah menengah. Sebahagian daripada remaja yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah tidak dapat mengikuti pelajaran yang di ajar. Ramai juga pelajar yang terlibat dalam kes disiplin kerana tidak dapat mengikuti pelajaran.

Beliau berkata, untuk menghindari perkara-perkara ini dari terus terjadi Yayasan Strategik Sosial telah menganjurkan beberapa seri program motivasi untuk pelajar di sekolah menengah di seluruh negara. Fokus sesi ini adalah untuk menggalakkan pelajar untuk mengetahui potensi mereka, di samping itu untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh golongan pelajar terbabit.

Beliau menyatakan YSS telah berjaya menganjurkan 48 program sebegitu di 9 buah negeri. Perhubungan dengan sekolah dan interaksi dengan guru-guru merupakan satu pengalaman yang manis. Beliau menyatakan juga tentang keperluan untuk program sistematik yang berterusan perlu di adakan untuk menggalakkan dan memotivasi pelajar. Beliau juga menekankan perlunya kerjasama antara ibu bapa dan ahli keluarga dengan pihaknya untuk pencapaian yang lebih baik.

Artikel bertajuk “ Uniformity Reflects Unity.... Briged Remaja YSS” adalah daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial yang di tulis oleh En. Victor J. Nathan. Berikut adalah ulasan mengenai artikel tersebut:

Dalam artikel ini penulis telah memberi fokus kepada Briged Remaja YSS. Program ini telah di atur untuk memastikan kumpulan sasaran dengan sedikit pengetahuan asas tentang pergerakan badan beruniform. Sasaran utama adalah untuk memastikan mereka terlibat dalam aktiviti berkaitan kawasan perjiranan dan untuk menanam disiplin , perasaan tanggungjawab dan perasaan kepunyaan. Ini merupakan idea Datuk Seri S. Samy Velu yang mahukan golongan belia India di kawasan setingan, estet dan rumah panjang terlibat. Pengenalan ini adalah untuk memastikan golongan belia di latih dengan sistematik. Ini merupakan harapan di mana belia India menjadi warganegara bertanggungjawab dan mendapat kehidupan yang baik.

Artikel bertajuk “ Building peer groups among teens” adalah daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial yang ditulis oleh En. Barmasevam. Berikut adalah ulasan daripada artikel terbabit:

Perkhemahan merupakan satu aktiviti yang baik bagi belia. Mereka menyukainya dan melalui aktiviti ini penulis berharap dapat mengubah cara pemikiran dan menanam nilai yang positif di kalangan mereka untuk mencapai kejayaan.

Menanam nilai positif di kalangan mereka adalah untuk menghindar pengaruh unsur negatif terhadap minda mereka. Terdapat pelbagai sesi yang di lakukan seperti sesi motivasi, kumpulan dinamik dan sesi menanam nilai serta pembinaan keyakinan di kalangan mereka. Aktiviti yang kreatif dan inovatif melalui kerja berkumpulan di jalankan untuk menanam nilai positif dan nilai kehidupan yang baik. Program ini di atur untuk mengubah generasi India kepada seorang yang yang dapat bersaing dalam dunia globalisasi.

Artikel bertajuk “ Youths Camp-An Excellent Way of Instilling Values” daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial ini di tulis oleh En. Manikam. Berikut adalah ulasan artikel terbabit:

Salah satu program yang di atur bagi golongan kanak-kanak dan belia adalah kem belia. Bercakap dengan mereka tentang persekitaran rumah, sekolah dan kawasan perijiran merupakan salah satu cara untuk memberi peluang kepada mereka membina kreativiti dan nilai berkomunikasi di samping memotivasi mereka untuk berkembang dalam persekitaran sosial. Menurut penulis kem ini mempunyai pelbagai tema seperti pembangunan belia, patriotisme, motivasi dan informasi mengenai kumpulan rakan yang baik.

Kem ini ditujukan kepada golongan pelajar dari sekolah rendah dan menengah serta golongan pelajar yang meninggalkan sekolah. Tujuan kem ini adalah untuk membangunkan belia dan memotivasikan serta menanam nilai yang baik di dalam belia. Kem ini menjadi kenyataan dengan sumbangan badan belia India dan di anjurkan oleh belia India.

4.0 ZAMAN 2000 HINGGA SEKARANG

Artikel “ Urban Challenges and Social Work Intervention Among High Risk Youths”
daripada laman web rasmi Yayasan Strategik Sosial yang di tulis oleh Dr. Denison
Jayasooria. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Penulis telah menyampaikan ucapan mengenai belia India Malaysia. Pada mulanya beliau telah bercakap tentang perubahan masyarakat Malaysia dari segi demografi dan perubahan ekonomi. Beliau juga telah membincangkan tentang posisi belia India dan telah membuat penyampaian tentang belia India Malaysia. Beliau telah memfokuskan kepada penemuan kajian yang telah di buat oleh Yayasan Strategik Sosial dari tahun 2000 ke 2002 dan untuk menentukan permasalahan di kalangan belia India Malaysia.

Penulis telah menemui tujuh sebab yang berkaitan dengan permasalahan di kalangan belia India, yang pertama adalah terdapat perkaitan antara pencapaian pelajaran, perasaan rendah diri dan perbuatan anti sosial. Sebab yang kedua adalah permasalahan keluarga yang memberi impak terhadap belia terutamanya belia yang daripada keluarga yang mempunyai sejarah jenayah. Sebab yang ketiga adalah, terdapatnya sokongan sosial yang lemah di kawasan perjiranan. Sistem kawalan sosial yang lemah juga menyebabkan ia amat mudah untuk golongan muda menjadi sasaran golongan tertentu dan pengaruh lain merupakan sebab yang keempat. Sebahagian daripada masyarakat mempunyai permasalahan dalam menahan perasaan marah mereka merupakan sebab yang kelima. Sebab yang keenam adalah kekurangan kemudahan awam dan kemudahan lain di kawasan persekitaran yang berasa terasing dalam komuniti. Sebab yang ketujuh adalah kekurangan peluang dan kekurangan

khidmat dalam pelajaran, pembangunanan skil, perumahan, kesihatan, pengangguran dan pinjaman menyebabkan keadaan yang berat sebelah dan ketiadaan peluang.

Tesis oleh Ndubisi, Gibson Chunwe bertajuk “ Drug addiction among Chinese and Indian youths in the state of Penang (2001), M.Soc.sc, USM 2001. Berikut adalah ulasan daripada tesis beliau:

Menurut penulis, belia India yang menagih dadah adalah di sebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Faktor-faktor lain adalah seperti sosialisasi primer, masalah peribadi, penggunaan rokok dan persepsi terhadap undang-undang berkenaan dengan dadah adalah tidak begitu penting. Dadah-dadah yang biasa di gunakan oleh penagih adalah seperti heroin, ganja, morphine dan opium. Berikut merupakan kajian beliau tentang penagihan dadah oleh belia India.

Pada masa dimana populasi bangsa India sedang menurun tetapi terdapat penambahan dalam penagih dadah berbangsa India iaitu sebanyak 8.7 peratus pada tahun 1998, 10.4 peratus pada tahun 1999 dan 12.2 peratus pada tahun 2000 berbanding dengan populasi bangsa India sebanyak 7.7 peratus. Di Pulau Pinang pula jumlah penagih dadah dari bangsa India adalah sebanyak 17.7 peratus pada tahun 1998 dan berlaku peningkatan kepada 21.5 peratus pada tahun 2000.

Terdapat beberapa faktor yang telah di kemukakan oleh penulis tentang bagaimana golongan belia India tertagih dengan dadah. Faktor yang pertama yang di kemukakan oleh penulis adalah pengaruh rakan sebaya. Memang tidak dapat di nafikan bahawa penggunaan dadah di sebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Sebab utama yang menyebabkan sama ada seorang belia atau golongan muda menggunakan dadah adalah sama ada raka sebayanya menggunakan dadah atau tidak. Pengaruh rakan sebaya memang merupakan satu faktor yang amat kuat. Ia memang benar bagi semua peringkat umur, sebahagian besar daripada individu yang sedang mencari identitinya paling kerap menggunakan dadah untuk mendapatkan tempat bersama rakan-rakannya

itu. Bagaimanapun paksaan yang kuat mungkin menambahkan minat ataupun melumpuhkan minat untuk menagih dadah.

Faktor yang kedua yang dikenalpasti oleh penulis adalah perasaan rendah diri. Perasaan rendah diri merupakan salah satu punca penggunaan dadah bagi seorang individu atau belia. Penggunaan dadah akan mewujudkan perasaan rendah diri dan perasaan rendah diri ini akan menyebabkan penambahan dalam penggunaan dadah.

“ Macdonald in his study cited above found that pre-existing poor-image was identified in almost all the adolescents who went to dangerous drug use pattern”. Perasaan rendah diri bukan sesuatu yang statik dan ia terdapat di dalam kita dari sehari ke hari yang lain.

Faktor yang ketiga yang di kenalpasti oleh penulis adalah perasaan kesunyian. Perasaan kesunyian juga merupakan salah satu penyebab seseorang menagih dadah. Seorang individu atau remaja yang tidak mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap sekolahnya, gereja dan negaranya tidak mempunyai semangat di sekolah, semangat di gereja dan juga semangat patriotik. Mereka ini akan terlibat dalam gejala yang tidak sihat. Rawatan sendiri, masalah keluarga, faktor psikologi, faktor keterdapatan, faktor ekonomi dan sosial, pembangunan dan pengganguran adalah faktor yang menyebabkan penggunaan dadah.

Rawatan sendiri adalah seperti apabila seseorang menggunakan ubatan tertentu apabila tidak sihat dengan sendiri tanpa mendapatkan perkhidmatan doktor. Mereka menggunakan ubat ini secara tidak sengaja dan sengaja. Kebanyakan orang mengambil sesetengah ubat tertentu sambil membuat andaian ubat yang di gunakan dapat menyelesaikan setengah masalah kesihatan.

Sesetengah kanak-kanak daripada keluarga yang bermasalah yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling akan terjerumus untuk menggunakan

dadah. Mereka ini tidak mempunyai sikap positif yang boleh menyebabkan mereka untuk menolak penggunaan dadah,. Mereka terus menggunakan dadah dan akhirnya menjadi ketagih terhadap dadah.

Faktor keterdapatn ialah dimana individu menggunakan dadah kerana dadah tersebut terdapat di mana sahaja. Semakin mudah untuk mendapatkan dadah semakin cepat seseorang individu itu menjadi ketagih akan dadah.

Faktor sosial dan ekonomi adalah seseorang yang tidak mendapat perhatian masyarakat akan cuba melakukan sesuatu untuk mendapatkan perhatian daripada orang lain. Sebagai contoh melalui penggunaan dadah. Kemiskinan di kalangan masyarakat dan keadaan sosioekonomi yang buruk juga menyebabkan seseorang itu terjerumus untuk menggunakan dadah.

Faktor yang lain adalah pembangunan dan pengganguran. Masyarakat berpindah dari kawasan Luar Bandar ke Bandar untuk mencari kemewahan dan kehidupan yang lebih baik. Apabila seseorang itu terpisah dari keluarga mereka akan menghadapi kesunyian, pengganguran dan tidak dapat menyesuaikan diri di sebabkan oleh kehidupan di Bandar. Banyak permasalahan berkaitan dengan permulaan sebuah kehidupan yang baru boleh membawa seseorang untuk menggunakan dadah.

Penulis juga telah memberikan beberapa kesan tentang penggunaan dadah. Kesan yang pertama adalah bunuh diri. Kebergantungan terhadap dadah akan menyebabkan peningkatan dalam kes bunuh diri. Kadar bunuh diri dalam penggunaan arak dan rokok adalah kurang tetapi dalam penggunaan dadah ia adalah amat banyak di kalangan remaja yang menghidu gam. Penulis juga telah menyatakan bahawa terdapat peningkatan dalam permasalahan sosial akibat penggunaan dadah. Terdapat perubahan dalam personaliti di sebabkan oleh penggunaan dadah yang turut

mengubah kelakuan mereka. Mereka juga akan terlibat dalam aktiviti jenayah seperti mencuri untuk mendapatkan wang untuk membeli dadah.

Faktor yang lain adalah masalah peribadi. Masalah tekanan, pengganguran, masalah sosial, masalah kesihatan, masalah kasih sayang dan masalah kewangan merupakan beberapa masalah peribadi yang menyebabkan seseorang menggunakan dadah. Faktor seperti keluarga yang bermasalah, penjaga tunggal, keluarga yang rendah nilai, anak yatim dan sebagainya menyebabkan seseorang terlibat untuk menggunakan dadah. Terdapat beberapa sebab lain dalam penggunaan dadah seperti untuk ketenangan, perasaan ingin tahu atau cuba, untuk bersuka, untuk meningkatkan prestasi seks, kerana kesunyian, dan untuk kekecewaan.

Artikel bertajuk “ Nagging pains of local Indians” di ambil dari laman web Indian-Malaysian Online dan di tulis oleh En. A. Letchumanan. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Penulis artikel ini membincangkan tentang jenayah sosial yang membabitkan golongan belia India di negara ini. Penulis juga mempersoalkan punca berlakunya masalah ini dan peranan media yang menyumbang dalam penyiaran berita ini.

“ On Deepavali day, a former national walker Mahadevan Kuttapan was slashed to death by an Indian gang at Sri Sentosa flats in Petaling Jaya.” Merupakan permulaan berita artikelnnya. Penulis menceritakan beberapa lagi kes yang berlaku yang di sebabkan oleh belia India. Kejadian ini amat membimbangkan masyarakat India dan pemimpin mereka.

Menurut statistik polis jenayah kaum India semakin bertambah dari tahun ke tahun. Laporan polis juga menunjukkan terdapatnya sebanyak 38 kumpulan jenayah India dengan ahli seramai 1500 di Semenanjung Malaysia. Daripada 63 peratus yang di tahan dalam ordinance kecemasan 14 peratus daripada mereka adalah pesalah remaja India. Menurut penulis, MIC telah mengambil langkah dengan menubuhkan Yayasan Strategik Sosial untuk menolong menyelesaikan masalah yang di hadapi. Beberapa NGO juga sedang berusaha namun perkara ini masih berterusan.

Menurut aktivis sosial K.Arumugam yang telah menjalankan beberapa program pembangunan :

“ Feeling marginalised and generally trapped in poverty, the Indians are devoid of a caring and sharing Government.”

Beliau menambah bahawa beberapa kumpulan telah mendapat hubungan dengan beberapa kuasa yang memberi mereka duit dan kuasa, dan ini menyebabkan mereka menjadi lebih bebas untuk melakukan jenayah.

Walaupun MIC dan beberapa badan organisasi India lain cuba mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah gangster, masyarakat hanya mendapat skop yang sedikit sahaja. Menurut penulis, gangsterism boleh berkembang dengan kuasa dan duit yang di dedahkan kepada mereka. Beliau berpendapat kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam mengatasi ketidakseimbangan dalam masalah sosio-ekonomi masyarakat India. Beliau mengulas perlu adanya satu pelan jangka masa panjang untuk memantau pembangunan di kalangan mereka.

Menurut Dr. M. Nadarajah seorang pensyarah di Stamford kolej, beliau menyatakan masalah ini berterusan kerana beberapa faktor. Beliau menyatakan bahawa sebahagian anggota masyarakat menyalahkan polisi kerajaan dan juga isu seperti kebudayaan, sekolah tamil, gambar tamil dan sistem keluarga. Bagaimanapun beliau menyatakan status rendah dan marginalisasi kaum India hari ini merupakan penyebab kepada masalah yang berlaku. Beliau berpendapat masalah ini dapat di atasi melalui pengubahan polisi negara dan apabila masyarakat tidak berfikir dari persepsi etnik. Beliau juga berpendapat peranan media yang menyiarkan berita pada mukasurat depan akan menjejaskan imej masyarakat India. Beliau mengulas akan peranan media yang tidak mengambil berat untuk menyedarkan komuniti India.

Persepsi yang di sumbang oleh media mengenai masyarakat India yang di kaitkan dengan kegiatan jenayah juga menyebabkan imej komuniti India terjejas. Beliau menyatakan perlu ada perubahan dalam sistem pendidikan sekolah tamil.

Menurut Prof Datuk T. Marimuthu, pengerusi biro akademik MIC, media tidak harus di persalahkan kerana memberi fokus kepada masalah masyarakat India.

Menurut penganalisis ekonomi, Charles Santiago, gambar tamil bukan merupakan faktor utama dalam peningkatan masalah sosial di kalangan masyarakat India.

Menurut Prof Marimuthu, pembangunan yang pesat menyebabkan banyak masyarakat India yang terpaksa berhijrah ke Bandar dari estet-estet. Oleh kerana mereka tidak mempunyai skil dan pendidikan yang sewajarnya mereka terdedah ke kawasan setinggan. Kawasan ini tidak mempunyai infrastruktur yang baik dan tiada nilai yang baik di kalangan mereka. Pelajar yang tercicir dari sekolah terpaksa bergantung kepada pendapatan keluarga yang tak seberapa dan ini mendedahkan mereka ke alam yang tidak sihat. Beliau mengulas bahawa hanya pendidikan yang sempurna sahaja yang dapat mengubah kanak-kanak dan perlunya program untuk membantu golongan belia India. Kualiti kehidupan dan infrastruktur yang baik sahaja seperti sistem perumahan yang baik, jalan yang baik dan keperluan lain perlu di tingkatkan.

Artikel bertajuk “ Sri Murugan Centre`s recipe for success in studies” di ambil daripada The New Straits Times bertarikh 21 Ogos 2001. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Menurut penulis artikel ini, beliau menyedari sumbangan Sri Murugan Center dalam membangunkan golongan remaja India. Keluarga India yang berpendapatan rendah di mana ibu bapa tidak dapat memberi sokongan intelektual dan kewangan untuk memotivasikan anak mereka merupakan punca masalah remaja. Menurut penulis SMC telah memformulakan strategi pendidikan, bermula dari sembahyang dan meneruskan perjuangan pendidikan sehingga ke akhir, di mana guru-guru dan murid-murid memberi komitmen yang penuh dalam pelajaran.

Menurut penulis, SMC telah mengambil langkah dengan mengidentifikasikan unsur keagamaan dengan pendidikan untuk kejayaan. Mereka telah menguatkan SMC dengan komitmen daripada tuhan yang esa dan para guru yang mengajar di SMC.

Artikel bertajuk “ Foundation to guide Indian youths along the right path” bertarikh 9 Disember 2003 di perolehi daripada The Star. Berikut adalah ulasan mengenai artikel berkenaan:

Menurut Presiden Parti MIC, Datuk Seri S. Samy Velu, Yayasan Strategik Sosial melalui pelbagai programnya akan mengenalpasti bakat di kalangan belia India dan membantu mereka menjauhkan diri dari gejala yang tidak sihat. Menurut sumber berita Tamil Nesan, YSS akan memainkan peranannya untuk membantu belia untuk mengikuti jalan yang betul dan tidak terlibat dalam penagihan dadah dan gangsterism.

Menurut beliau, YSS akan mengemudi belia kearah kehidupan yang baik yang cuba di terapkan oleh kerajaan iaitu masyarakat berpengetahuan. Yayasan ini di tubuhkan untuk membangunkan belia India. Beliau juga menyatakan rasa kesedihannya mengenai kejadian jenayah di kalangan belia India.

Artikel bertajuk “ Punca Belia India babit jenayah di kaji” adalah di perolehi daripada Laman web rasmi Malaysian Youth Council. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Menurut dari perkara di artikel ini, Polis sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti kegiatan jenayah dan gangsterism di kalangan belia India. Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin, hasil kajian itu akan di gunakan dalam membantu mengatasi masalah berkenaan sebelum bertambah buruk lagi. Beliau menegaskan PDRM akan bekerjasama dengan masyarakat untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah itu bermula dari akar umbi. Langkah-langkah jangka panjang dan pendek telah di sediakan oleh PDRM untuk menangani masalah tersebut.

Laporan media cetak dan elektronik menunjukkan kegiatan jenayah membabitkan belia India terus meningkat dan membimbangkan. Peningkatan itu tidak begitu serius, tetapi peningkatan dalam tempoh 10 tahun lalu di mana ramai belia India terbabit dalm kegiatan samun dan gangsterism perlu di beri tumpuan. Beliau menyatakan bahawa ini adalah satu perubahan budaya membabitkan golongan belia India. Masalah ini terjadi kerana kebanyakan belia tidak mempunyai pendidikan yang baik dan pekerjaan tetap. Beliau meminta pertubuhan politik, NGO termasuk Kelab Bell Belia Tamil bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani masalah ini. Beliau berkata belia India juga berpotensi untuk berjaya dan menjadi warganegara yang berguna kepada negara.

Artikel bertajuk “Sasterawan Kaum India: Melukut atau Menyengat” di perolehi daripada internet dan ditulis oleh Utaya Sankar SB. Berikut adalah ulasan artikel berkenaan:

Menurut penulis pelbagai bengkel dan ceramah berkaitan penulisan cerpen di kendalikan oleh pelbagai pihak di serata tempat. Malangnya, jumlah remaja dan belia kaum India yang menyertai bengkel ini tidak menggalakkan dan mengecewakan. Penulis berasa kecewa kerana peluang yang tersedia ada ini di lepaskan begitu sahaja.

Pihak penulis juga telah mengendalikan siri bengkel muda namun sambutan yang di terima adalah tidak menggalakkan. Masalah yang penulis menyatakan tentang penglibatan remaja kaum India adalah mereka tidak ingin menggunakan peluang yang ada. Terdapat beberapa remaja kaum India yang menonjolkan minat serta bakat dan terus berkecimpung dan menampakkan potensi untuk terus berkarya.

Penulis menjelaskan bahawa walaupun ramai penulis baru daripada kalangan kaum India timbul, Namun mereka tidak bertahan lama. Malah ramai remaja yang hilang begitu sahaja sebaik selepas tamat mengikuti Minggu Penulis Remaja

Artikel bertajuk “ The alcohol problem in Malaysia” the Globe yang di tulis oleh Mary Asunta dengan En. Idris, President Penang Consumer Association dan EN.Hamid President TERAS.

Menurut artikel ini, Malaysia mempunyai populasi sebanyak 22 juta orang. Oleh kerana topik saya berkaitan dengan belia dan remaja India saya akan meninggalkan pandangan mengenai kaum lain dalam artikel ini. Populasi kaum India adalah sebanyak 8 peratus. Malaysia merupakan negara yang kesepuluh tertinggi dalam penggunaan alkohol. Bangsa India Malaysia merupakan pengguna alkohol yang tertinggi di Malaysia dengan penggunaan tahunan melebihi 14 liter.

Iklan mengenai alkohol di sasarkan terhadap golongan berbangsa India. Semasa aktiviti keagamaan seperti festival Hindu seperti Deepavali juga tidak di tinggalkan dengan iklan mengenai alkohol ini. Masyarakat India yang miskin menjadi sasaran kerana mereka merupakan pengguna tertinggi alkohol di Malaysia.

Golongan belia di Malaysia telah mula untuk minum arak pada usia yang muda. 45 peratus daripada mereka adalah dalam lingkungan umur 18 tahun. Arak merupakan sesuatu yang paling banyak di gunakan oleh belia kerana mudah di dapati. Di Malaysia pengguna terbesar arak adalah golongan miskin, seperti buruh India yang bekerja di ladang kelapa sawit dan getah. Arak merupakan punca utama kemiskinan. Belia India juga turut terlibat dalam penggunaan arak dan ia merupakan sesuatu yang tidak dapat di nafikan.

5.0 PERBANDINGAN DAN PERSAMAAN ANTARA ZAMAN

Setelah mengkaji setiap zaman terdapat persamaan dan perbezaan antara setiap zaman ini. Penulis-penulis yang membincangkan mengenai remaja dan belia India menyatakan beberapa perkara yang penting tentang persamaan dan perbezaan antara zaman 80 an, zaman 90an dan zaman 2000 sehingga sekarang.

Fokus utama setiap penulis dari setiap zaman adalah mengenai kepentingan pendidikan. Mereka menyatakan bahawa melalui pendidikan sahaja permasalahan di kalangan remaja dan belia India serta permasalahan di kalangan masyarakat India amnya dapat di cegah. Mereka secara amnya berpendapat remaja dan belia terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat di sebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah. Mereka mengaitkan tahap pendidikan ini dengan penambahan dalam kes jenayah dan masalah sosial di kalangan belia dan remaja India. Menurut mereka remaja yang tidak mempunyai pencapaian yang baik dalam pendidikan mudah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat. Hal ini merupakan tumpuan dari setiap zaman.

Fokus yang kedua adalah mengenai keganasan dan permasalahan sosial di kalangan remaja. Menurut penulis-penulis, keganasan di kalangan remaja dan belia India berpunca daripada tahap sosioekonomi masyarakat India yang teruk. Hal ini seperti pendapatan ibu bapa yang rendah dan tidak seberapa. Pada masa zaman 80an, pendapatan ibu bapa yang rendah menyebabkan ramai remaja dan belia India terpaksa bekerja pada masa yang begitu muda sekali. Mereka terpaksa berbuat demikian kerana ibu bapa mereka tidak dapat menampung pengurusan sebuah keluarga. Pada zaman 90an pula, perkara kemiskinan juga di katakan salah satu sebab mengapa remaja dan belia India terlibat dalam aktiviti keganasan dan jenayah. Remaja dan belia ini terdedah kepada persekitaran yang tidak sihat kerana ibu bapa mereka tidak

boleh menampung untuk menyeluhkan mereka. Oleh itu mereka lebih mudah terdedah kepada unsur-unsur negatif dan terikut dengannya. Pada zaman 2000 hingga sekarang pula kemiskinan bukan salah satu hal yang utama remaja dan belia terlibat dalam aktiviti jenayah dan keganasan. Hal yang menjadi isu paling utama remaja dan belia terlibat adalah peranan ibu bapa. Ibu bapa pada zaman sekarang pula mengejar kemewahan dan tidak memberi perhatian kepada golongan ini. Oleh kerana mereka tidak mendapat perhatian ibu bapa, mereka mendapatkan kasih sayang dari orang lain. Jika orang yang mereka dampingi itu tidak baik maka mereka pun menjadi jahat dan banyak terlibat dalam aktiviti jenayah dan keganasan.

Fokus yang ketiga adalah mengenai peranan pihak kerajaan dan pihak tertentu dalam mengatasi masalah berkaitan dengan remaja dan belia India. Memang tidak dinafikan oleh penulis-penulis bahawa memang terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan badan-badan lain tetapi peranan yang dimainkan di katakana oleh setengah penulis sebagai tidak begitu efektif. Sebilangan penulis menyeru kerajaan dan badan yang mewakili kaum India untuk membantu meningkatkan tahap sosioekonomi di kalangan masyarakat India. Beberapa penulis telah menunjukkan dan menulis artikel mengenai usaha yang dijalankan oleh beberapa pihak bagi mengatasi masalah di kalangan remaja dan belia India di Malaysia. Antara badan yang sedang berusaha untuk membantu pembangunan belia adalah seperti Yayasan Strategik Sosial yang bernaung di bawah MIC. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh mereka seperti kem belia, “anger management” atau pengurusan perasaan marah dan sebagainya adalah beberapa langkah yang diambil oleh pihak berkenaan untuk membantu dalam pembangunan belia dan remaja India.

Fokus yang seterusnya yang dibincangkan oleh penulis setiap zaman adalah mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa dan anggota masyarakat serta

beberapa pihak lain. Menurut beberapa penulis ibu bapa harus memainkan peranan dalam membantu remaja dan belia daripada segaa permasalahan yang di hadapi. Apa yang di inginkan oleh penulis adalah, setiap ibu bapa harus memberi kasih sayang yang sempurna kepada anak-anak mereka dan memberi sokongan dan galakkan kepada remaja dan belia ini untuk melalui arus kehidupan ini. Pihak sekolah juga harus memberi perhatian kepada belia dan remaja ini, seperti kata penulis-penulis di mana guru serta pihak pentadbiran sekolah harus memainkan peran yang lebih besar dalam membimbing golongan ini. Penambahan dalam aktiviti kokurikulum dan aktiviti pembelajaran juga beberapa idea penulis mengenai cara mengatasi masalah sosial di kalangan golongan ini. Media juga harus memainkan perannya melalui denagan tidak memperbesarkan isu mengenai golongan belia dan remaja ini di muka surat pertama surat khabar. Media juga boleh membantu dalam mengatasi masalah di kalangan remaja dan belia India kata seorang penulis.

Fokus juga di berikan kepada peranan SMC atau Sri Murugan Centre di mana pendidikan di kalangan belia dan remaja di pentingkan. SMC mengaitkan pendidikan dan keagamaan untuk membina seorang remaja dan belia yang baik. Motivasi serta bebrpapa kaedah lain di adakan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai pendidikan. Dalam satu artikel lain pula di bincangkan tentang penulis remaja India dalam karya-karya bahasa Malaysia. Artikel ini menunjukkan bagaimana golongan remaja India juga boleh berkarya dalam penulisan Bahasa Malaysia dan juga mengenai sikap remaja yang tidak mengambil peluang yang tersedia ada untuk memajukan mereka dalam karya Bahasa Malaysia ini.

6.0 KRITIKAN

Ruang ini merupakan, ruang bagi saya mengkritik penulisan serta artikel-artikel. Kritikan yang di buat adalah kritikan yang positif dan kritikan yang negatif mengenai sesetengah penulisan artikel penulis. Topik yang di bincangkan adalah mengenai remaja dan belia India dan terdapat banyak sebab, langkah dan cara penyelesaian yang di berikan oleh penulis dalam menangani masalah di kalangan belia dan remaja India. Terdapat juga artikel yang membincangkan mengenai penulis remaja kaum India yang menulis karya dalam Bahasa Malaysia. Saya ingin bermula daripada masalah yang di hadapi oleh belia dan remaja India dan akan akhiri pandangan saya mengenai kejayaan belia dan remaja India.

Terdapat banyak artikel yang berkaitan dengan masalah di kalangan yang di tulis oleh penulis-penulis. Memang di akui oleh saya bahawa, kemiskinan merupakan punca utama yang mengundang kepada peningkatan masalah sosial di kalangan belia dan remaja India. Tahap sosioekonomi yang rendah menghalang setengah daripada remaja dan belia untuk menerima pendidikan.

Pendapatan keluarga yang tidak seberapa merupakan punca kepada hal ini. Saya memang tidak menafikan peranan pihak kerajaan dan pihak yang mewakili kaum India serta badan-badan lain yang telah dan sedang berusaha dalam menyelesaikan dan membantu menyelesaikan masalah di kalangan golongan India. Apabila melihat pelbagai program yang di jalankan oleh Yayasan Strategik Sosial, saya berpendapat memang terdapat pelbagai program yang di atur dalam pembangunan belia dan remaja

Walaupun pelbagai usaha yang di atur namun program yang di atur dan di jalankan tidak mendapat sokongan semua pihak. Program yang di jalankan hanya

tertumpu kepada kepada sebilangan belia dan remaja sahaja. Saya berpendapat satu program yang meliputi semua belia dan remaja India di adakan selaras di seluruh negara. Satu lagi kelemahan yang di fikir oleh saya mengenai program yang di jalankan ini adlah ketiadaan program “ followup” selepas program itu di adakan. Memang di akui selepas program ini di jalankan ramai belia dan remaja India mengubah sikap mereka tetapi oleh kerana tiada “ followup” dari semasa ke semasa mereka kembali melakukan perkara yang mereka lakukan dahulu.

Pihak yang terbabit seperti persatuan MIC dan sebagainya harus menyedarkan ibu bapa, golongan belia dan remaja serta masyarakat am tentang kepentingan pendidikan. Persatuan ini harus menyedarkan dan memberi galakkan kepada mereka untuk belajar dan menyedarkan mereka akan hasil daripada pendidikan yang di perolehi. Kerajaan juga harus memberi banyak peluang kepada golongan belia dan remaja India dalam mengikuti pelajaran vokasional dan teknikal. Banyak pusat teknikal dan vokasional perlu di bina dan ramai banyak belia dan remaja India harus di beri peluang untuk mengikutinya. Pendidikan yang sempurna akan membina seorang insan yang sempurna. Seseorang yang berpelajaran boleh hidup dalam apa jua keadaan dan mereka dapat membezakan tentang apa yang baik dan apa yang buruk.

Terdapat juga artikel yang membincangkan mengenai penulis kaum remaja yang berkecimpung dalam karya Bahasa Malaysia. Dalam artikel tebabit di katakan mengenai kewujudan penulis kaum India yang menulis karya mereka dalam Bahasa Malaysia. Ini merupakan satu pencapaian bagi masyarakat belia India. Di harap usaha seumpama ini tidak hanya pada penulisan karya Bahasa Malaysia tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain juga. Saya berharap pada suatu masa hadapan, belia dan remaja India tidak hanya di kaitkan dengan keganasan dan jenayah tetapi dengan kejayaan mereka sebagai warganegara yang berguna kepada negara dan masyarakat.

7.0 RUJUKAN

- 1) Artikel “ Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia”, INSAN, Kuala Lumpur.
- 2) Sabitha Merican & Mahmood Nazar Merican, “ Fenomena Keruntuhan Akhlak Remaja: Tren, Punca dan Penyelesaian”, Jun 1994, Jurnal Kebajikan vol. 16 no. 1.
- 3) Ndubisi, Gibson Chunwe, “Drug Addiction Among Chinese and Indian Youths in the State of Penang(2001)”, M.Soc.sc, Universiti Sains Malaysia 2001.
- 4) Mary Asunta , Idris & Hamid , “The alcohol problem in Malaysia” Globe.
- 5) Artikel Berita Harian, “ Kaum India paling ramai terlibat kes jenayah”, 12 Ogos 1999.
- 6) Artikel Utusan Malaysia, “Cabaran Masa Depan Masyarakat India”, 23 Oktober 1995.
- 7) Artikel Mingguan Malaysia, “Samy Velu mahu tukar wajah masyarakat India”, 29 November 1992.
- 8) Artikel The Star, “ Foundation to guide Indian Youths along the right path”, 9 Disember 2003.
- 9) Artikel The New Straits Times, “ Sri Murugan Centre`s recipi for success in studies”, 21 Ogos 2001.
- 10) Thiruselvam, “ Lack of awareness? Ignorance? Or reluctance?”, www.yss98.com/
- 11) Artikel “ Getting to know us” & “vision, mission & purpose”, www.yss98.com/
- 12) Dr. Denilson Jayasooria, “ Reaching Youths at an early stage”, www.yss98.com/
- 13) Victor J. Nathan, “Uniformity Reflects unity....Bridged Remaja YSS”, www.yss98.com/
- 14) Barmasevam, “ Building peer groups among teens”, www.yss98.com/
- 15) Manikam, “ Youths Camp-An excellent way of instilling values”, www.yss98.com/
- 16) Artikel “ Punca belia India babit jenayah di kaji”, www.belia.org.my
- 17) Artikel “ Programmes for high risk youths”, www.yss98.com/
- 18) Dr. Denison Jayasooria, “ Urban challenges and social work intervention among high risk youths”, www.yss98.com/
- 19) A. Letchumanan, “ Nagging pains of local Indians”, www.malaysiaindiaonline.com/
- 20) Utaya Shankar SB, “ Saterawan kaum India : Melukut atau Menyengat”, www.geocities.com/kayvan_kavya/minda0310.htm